



**PTS Media Group Sdn. Bhd.** (173482-A)  
[pts.com.my](http://pts.com.my)

No. 12, Jalan DBP,  
Dolomite Business Park,  
68100 Batu Caves,  
Selangor, MALAYSIA  
Tel : +603-6188 0316  
Faks : +603-6189 1316

## **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

### **Buku Detektif Yaya dan Misteri Kerongsang Kuasa**

PTS Junior menerbitkan sebuah lagi siri buku terbaru Detektif Yaya yang berjudul Detektif Yaya dan Misteri Kerongsang Kuasa. Siri penyiasatan kali ini lebih mendebarkan, lebih mencabar, dan lebih misteri. Siri Detektif Yaya dan Misteri Kerongsang Kuasa ini mengisahkan kerongsang berbentuk ikan, iaitu hadiah untuk Yaya sempena hari jadinya. Kerongsang ikan itu diberikan oleh Boboiboy yang dibeli dari sebuah kedai barang terpakai.

Namun, keadaan beralih panik apabila Yaya memakai kerongsang itu, satu pancaran cahaya dari kerongsang tersebut menukar gelombang otak kawan-kawan Yaya. Akibatnya, Fang tertukar badan dengan Gopal! Tetapi, Boboiboy antara yang paling malang kerana bukan sahaja hilang ingatan, malah bertukar menjadi seekor kucing!

Hari jadi bertukar kepada tragedi? Apa yang berlaku? Yaya dan kawan-kawan berada dalam kesusahan dan misteri kerongsang kuasa itu juga perlu disiasat secepat mungkin sebelum Boboiboy menjadi lebih bersifat kekucingan.

Ikuti juga kisah-kisah penyiasatan Yaya yang lain dengan mendapatkan Siri Detektif Yaya, iaitu Detektif Yaya dan Penunggu Gunung Embun dan Detektif Yaya dan Misteri Hantu Harum. Buku Siri Detektif Yaya ini bukan sahaja membawa pembaca ke alam penyiasatan, malah, memaparkan nilai-nilai murni yang boleh diambil iktibar.

Mari bersama Detektif Yaya merungkai Misteri Kerongsang Kuasa!

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my